

SILAT

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut peraturan dan undang-undang:

1.1.1.1 Peraturan Am MASUM

1.1.1.2 PERSILAT (Persatuan Silat Antarabangsa)

1.1.1.3 PESAKA (Persatuan Silat Kebangsaan) Malaysia

1.2 KELAYAKAN

1.2.1 Rujuk Perkara 3 Peraturan Am MASUM.

1.3 PENDAFTARAN PEMAIN

1.3.1 Pendaftaran nama-nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan hanya pemain-pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk bermain.

1.3.2 Setiap pesilat hanya dibenarkan mendaftar 1 (satu) kategori dalam 1 (satu) acara sahaja.

1.3.3 Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelarar permainan selewat-lewatnya sebelum undian bermula.

1.4 ACARA PERTANDINGAN

1.4.1 Acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:-

Acara	Putra	Putri
Seni	Tunggal	Tunggal
	Ganda	Ganda
	Regu	Regu
Olahraga	Kelas A (45kg – 50kg)	Kelas A (45kg – 50kg)
	Kelas B (50kg – 55kg)	Kelas B (50kg – 55kg)

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



Kelas C (55kg – 60kg)	Kelas C (55kg – 60kg)
Kelas D (60kg – 65kg)	Kelas D (60kg – 65kg)
Kelas E (65kg – 70kg)	Kelas E (65kg – 70kg)
Kelas F (70kg – 75kg)	Kelas F (70kg – 75kg)
Kelas G (75kg – 80kg)	Kelas Bebas – (65kg ke atas)
Kelas H (80kg – 85kg)	
Kelas I (85kg – 90kg)	
Kelas J (90kg – 95kg)	
Kelas Bebas (85kg ke atas)	

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 ACARA SILAT OLAHRAGA

- 2.1.1 Semasa pendaftaran, sesi timbang tidak akan dijalankan, Walaubagaimanapun, peserta **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang 10 minit sebelum setiap perlawanan. Jika berat melebihi atau terkurang dari berat kategori semasa timbang ulang, maka penyertaan pesilat akan dibatalkan.
- 2.1.2 Setiap perlawanan akan dijalankan sebanyak 3 pusingan dan masa bagi setiap pusingan adalah selama 2 minit diperuntukan. Walaubagaimanapun, ia tertakluk kepada sebarang perubahan semasa perlawanan.

2.2 ACARA SILAT SENI

- 2.2.1 Kategori Jurus Tunggal
- 2.2.1.1 Persembahan solo oleh pesilat.
- 2.2.1.2 Acara putra dan putri.
- 2.2.1.3 Pesilat menggayakan jurus yang ditetapkan oleh PERSILAT
- 2.2.1.4 Jumlah masa adalah 3 minit.
- 2.2.1.5 Ukuran senjata yang dibenarkan bagi parang, mata parang adalah 30 hingga 40 cm dan bagi tongkat ialah 150 cm hingga 180 cm serta diameter 2.5 cm hingga 3.5 cm.

2.2.1.6 Sebarang senjata yang ingin digunakan mesti ditunjukkan dan diluluskan oleh wasit juri terlebih dahulu.

2.2.2 Kategori Tempur (Ganda)

2.2.2.1 Seni tempur kategori putra dan putri.

2.2.2.2 Merangkumi dua (2) peserta untuk setiap kategori putra dan putri.

2.2.2.3 Masa diperuntukan adalah selama 3 minit.

2.2.2.4 Menggunakan tiga (3) jenis senjata sahaja. Senjata wajib adalah parang/golok dan tongkat (ukuran sama seperti senjata jurus tunggal) dan satu senjata nusantara iaitu keris, pisau, celurit atau tekpi sahaja.

2.2.2.5 Sebarang senjata yang ingin digunakan mesti ditunjukkan dan diluluskan oleh wasit juri terlebih dahulu.

2.2.3 Kategori Jurus Wajib (Regu)

2.2.3.1 Diwakili oleh 3 peserta.

2.2.3.2 Acara putra dan putri.

2.2.3.3 Mengikut jurus yang ditetapkan oleh PERSILAT.

2.3 KEPUTUSAN PERLAWANAN

2.3.1 Pesilat yang memperolehi **mata tertinggi** adalah dianggap sebagai Pemenang.

2.4 PENENTUAN JOHAN KESELURUHAN

2.4.1 Keputusan Johan Keseluruhan pasukan akan ditentukan berdasarkan **jumlah kutipan pingat emas** yang terbanyak.

2.4.2 Jika masih seri, **kutipan tertinggi pingat perak** akan diambil kira bagi menentukan pemenang.

2.4.3 Jika masih seri, **kutipan pingat gangsa** akan diambil kira bagi menentukan pemenang.

2.5 PEMATUHAN PAKAIAN

2.5.1 Sila rujuk Peraturan Am (7.0) MASUM.

2.6 KELEWATAN

2.6.1 Hanya 30 saat sahaja akan diberikan kepada peserta yang lewat ke arena dengan panggilan sebanyak 3 kali dan selepas itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan undur diri.

2.7 BANTAHAN

2.7.1 Sila rujuk Peraturan Am (13.0) MASUM.

2.8 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

2.8.1 Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM.

3. RINGKASAN PENYERTAAN

3.1 RINGKASAN

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
1	Individu	17	13	4	34

3.2 HADIAH-HADIAH

3.2.1 Hadiah akan disediakan oleh penganjur untuk pemenang-pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga Bersama sahaja.